

Banjir di Pahang semakin pulih

KUANTAN – Keadaan banjir di Pahang semakin pulih dan ramai mangsa kini sudah pulang ke rumah masing-masing.

Portal Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) menyenaraikan seramai 63 mangsa banjir membabitkan 13 keluarga mula dibenarkan pulang ke rumah masing-masing sehingga jam 4 petang semalam.

Mereka dibenarkan pulang selepas keada-

an cuaca dan paras air sungai di negeri itu tidak menunjukkan bacaan paras bahaya.

Hanya dua pusat pemindahan banjir dibuka iaitu di Sekolah Kebangsaan Galing dan Sekolah Menengah Kebangsaan Gudang Rasau, Kuantan dengan menempatkan 182 mangsa.

Sehingga petang semalam, satu jalan ditutup di Kuantan iaitu Kilometer 18, Jalan Kuantan By Pass selepas Balai Bomba Gebeng.



Dua wakil media dibawa penduduk menaiki sampan meninjau keadaan banjir di kawasan Kampung Pahang. Foto Bernama.

Di tepian gelanggang

FOTO: NIK MUHAMMAD RAFFIQ



DEMI RAKYAT...

Perbezaan fahaman politik tidak menghalang Ketua Umno Dungun, Datuk Wira Rosli Mat Hassan (tengah) turun padang meninjau lokasi banjir di Kampung Wa, Bukit Besi, Dungun. Turut berada di kawasan yang menempatkan 198 mangsa termasuk Pengerusi Lajnah Kebajikan Pas Dun Sura, Wan Hapandi Nik (kanan) dan Pengerusi Penyelaras Parti Keadilan Rakyat (PKR) Dun Bukit Besi, Abdullah Othman.